



20 JAN, 2023

Tiga premis perlombongan bitcoin curi elektrik digempur

Harian Metro, Malaysia



Tiga premis perlombongan bitcoin curi elektrik digempur

Nilai: Buat sambungan bekalan elektrik secara haram semata-mata mahu menjalankan aktiviti perlombongan mata wang digital bitcoin tanpa perlu membayar bil elektrik.

Kegiatan dilakukan di tiga premis di daerah ini bagaimanapun terbongkar apabila polis melakukan serbuan sejak tengah malam kelmarin.

Serbuan dilakukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJD) Nilai dan Pasukan SEAL TNB dari Johor membuat serbuan dan pemeriksaan di tiga premis yang disyaki membuat sambungan haram bekalan elektrik dan menjalankan aktiviti perlombongan mesin bitcoin.

"Dalam ser-

101 mesin bitcoin, dua unit modem, dua unit router dan seunit CPU dirampas

sukan polis dari BSJD Nilai bersama Pasukan SEAL TNB dari Johor membuat serbuan dan pemeriksaan di tiga premis yang disyaki membuat sambungan haram bekalan elektrik dan menjalankan aktiviti perlombongan mesin bitcoin.

"Dalam ser-

buan ini, kami berjaya merampas 101 mesin bitcoin, dua unit modem, dua unit router dan seunit CPU," katanya, semalam.

Beliau berkata, BSJD Nilai membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan dan Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990.

Pihak polis sedang dalam usaha untuk mengesan dan menangkap

suspek yang terbabit dalam kes ini.

"Sekiranya orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini, dinasihatkan untuk hadir ke balai polis bagi membantu siasatan dan boleh menghubungi Ibu Pejabat Daerah (IPD) Nilai di talian 06-7904222 atau mana-mana balai polis," katanya.